

Bersama bina semula negara, henti naratif politik permusuhan

BH - 9/12/2022 mlk : 13

Badlishah Sham Baharin,
Presiden
Pertubuhan
IKRAM Malaysia

Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-10. Susulan itu, beliau berikrar mempertahankan Perlembagaan yang merangkumi bahasa Melayu juga agama Islam sebagai bahasa dan agama rasmi, juga kedudukan Raja-Raja Melayu dan hak keistimewaan orang Melayu tanpa meminggirkan hak kaum lain.

Anwar turut menegaskan komitmennya untuk memerangi rasuah dan menumpukan fokus pentadbirannya kepada menangani kos sara hidup serta pengukuhan ekonomi.

Pelantikan beliau berlaku pada waktu mencabar dengan jangkaan krisis global ekonomi yang lebih kritikal menjelang tahun depan, impak ketara perubahan iklim selain negara masih berada dalam fasa pemulihan wabak COVID-19.

Negara juga sudah melalui kemelut politik sekian lama dan Kabinet Kerajaan Perpaduan yang baru terbentuk akan menguji kepemimpinannya.

Pasca PRU15 menyaksikan sentimen perkauman membangkitkan kebencian dan perpecahan dalam kalangan rakyat Malaysia. Situasi ini perlu diperbetulkan dengan membawa naratif yang menjurus kepada keharmonian serta kesejahteraan masyarakat dan negara.

Dari sisi lain, ini adalah kali pertama Malaysia mendapat Kerajaan Perpaduan yang terdiri daripada gabungan pelbagai parti politik. Pelbagai reaksi daripada rakyat susulan itu. Ada yang gusar, menyokong dan tidak kurang juga yang berasa kecewa dan mengkritik.

Pada masa sama, dunia dijangka akan berhadapan krisis ekonomi menjelang 2023. Justeru, kita memerlukan kerajaan yang stabil serta mampu memberi fokus kepada penyelesaian masalah dan krisis itu.

Adalah menjadi harapan rakyat barisan kepimpinan yang terpilih ini akan mengamalkan tatakelola yang baik serta mengutamakan agenda memperjuangkan hak rakyat dan mentadbir negara dengan berwibawa.

Sekiranya benar pemimpin politik telus dalam memperjuangkan hak rakyat seperti dicanang dalam kempen pilihan raya mereka, sewajarnya inilah masa terbaik untuk membuktikan mampu bermafakat untuk bekerjasama membangunkan negara dengan semangat kebersamaan, mengetepikan perbezaan dan menepis amalan politik permusuhan.

Pembangkang perlu berwibawa

Pembangkang pula harus menjadi kuat sebagai alat semak dan imbang berwibawa supaya kerajaan yang memerintah tidak tersasar daripada landasan untuk membawa Malaysia ke arah kemakmuran.

Dalam hal ini kerajaan disarankan supaya mengamalkan pendekatan pentadbiran secara *Whole of Government* iaitu tadbir urus yang menghimpunkan kerjasama secara integrasi daripada pelbagai kementerian, pentadbiran awam dan agensi awam dalam mendepani isu yang timbul.

Pendekatan tadbir urus ini dapat menyelesaikan isu bekerja dalam silo (sendiri) melalui komuni-

kasi pelbagai arah, di samping meningkatkan kredibiliti dalam realiti politik Kerajaan Perpaduan.

Amalan tadbir urus sebegini sudah diamalkan di beberapa negara seperti Australia, England dan New Zealand. Ia nyata mendorong suasana perkhidmatan yang lebih baik dan meningkatkan kecakapan apabila berlaku kesatuan serta kebersamaan sebagai budaya kerja.

Justeru, susulan kerosakan dan kemunduran imej disebabkan rasuah, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) harus dilaksanakan dan dikuatkuasakan. Tiada siapa dapat menolak bahawa rasuah menjejaskan ekonomi negara dengan kritikal

Apatah lagi kini rakyat Malaysia terkesan dengan kos sara hidup yang tinggi dengan harga barang dan perkhidmatan naik mendadak. Kualiti kehidupan turut terganggu dan semakin meruncing sekiranya kerajaan tidak menangani situasi ini dengan baik bagi memastikan jaminan sosial.

Kerajaan baharu ini diharap dapat menangani kos sara hidup sebagai keutamaan. Di samping itu, Malaysia mempunyai potensi untuk kembali muncul sebagai destinasi utama pelaburan asing bagi merancakkan ekonomi.

Apapun, amat penting rakyat juga harus memberikan ruang dan peluang kepada kerajaan baharu untuk menjalankan tugasnya. Hukum alam meletakkan sebarang perubahan memerlukan masa dan usaha yang berterusan serta bertahap.

Apa yang betul dilakukan kerajaan, perlu disokong. Apa yang salah, perlu ditegur dan dibangkang melalui saluran yang betul. Ayuh, kita bina Malaysia yang lebih baik!